



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tel.: 03-8000 8000
Faks: 03-8889 5542

Ruj tuan :
Ruj kami : KKM.600-34/11/9 Jld 10 (82)
Tarikh : 30 Ogos 2023

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**PELUASAN PENGGUNAAN UBAT RAVIDASVIR BAGI RAWATAN PENYAKIT
HEPATITIS C DI FASILITI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Seperti mana YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan sedia maklum, penyakit Hepatitis C yang disebabkan oleh jangkitan virus Hepatitis C (HCV) merupakan isu kesihatan global dan Malaysia sentiasa komited untuk menghapuskan HCV menjelang tahun 2030. Bagi meningkatkan akses pesakit terhadap ubat *Direct Acting Antivirals* (DAA) bagi rawatan Hepatitis C, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan kerjasama *Drugs for Neglected Diseases Initiative* (DNDi) telah mengambil inisiatif untuk menyenaraikan ubat ravidasvir ke dalam *WHO Model Lists of Essential Medicines* (EML) dan ubat ini telah diluluskan penyenaraian ke dalam WHO EML Edisi ke-23 pada bulan Julai 2023.

3. Menyedari kepentingan ubat ravidasvir dalam rawatan pesakit Hepatitis C di Fasiliti KKM, Panel Formulari Ubat KKM (FUKKM) yang bersidang pada 15 Disember 2022 telah meluluskan penyenaraian ubat ini ke dalam FUKKM. Dengan penyenaraian ubat ravidasvir di dalam FUKKM, pesakit di fasiliti KKM kini mempunyai alternatif ubat DAA bagi rawatan Hepatitis C dengan kos yang lebih berpatutan. Kombinasi ubat ravidasvir dan ubat sofosbuvir bukan sahaja selamat digunakan malah telah terbukti berkesan untuk merawat penyakit Hepatitis C kronik dengan *genotype* yang biasa dijumpai di Malaysia dalam kalangan pesakit dewasa.

4. Selain itu, *Malaysian Consensus Guidelines on Antiretroviral Therapy 2022* turut menyarankan kombinasi sofosbuvir bersama ravidasvir bagi merawat pesakit Hepatitis C dengan jangkitan *human immunodeficiency virus* (HIV). Rawatan ini tidak mempunyai sebarang interaksi dengan ubat-ubatan antiretroviral *Highly active*

antiretroviral therapy (HAART) yang digunakan dan tiada keperluan pengubahsuaian dos ubat.

5. Disamping itu, *The Malaysian Clinical Practice Guidelines: Management of Hepatitis C* 2019 akan dikemaskini dengan menyenaraikan rawatan kombinasi sofosbuvir dan ravidasvir sebagai rawatan *first line* . Sehubungan dengan itu, YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan perlu memperluaskan penggunaan ravidasvir di fasiliti KKM setelah mengambilkira keberkesanan dan keselamatan ubat ini.


Segala perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN)

s.k.

1. **Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)**
Kementerian Kesihatan Malaysia
2. **Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)**
Kementerian Kesihatan Malaysia
3. **Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)**
Kementerian Kesihatan Malaysia
4. **Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi**
Kementerian Kesihatan Malaysia
5. **Pengarah**
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
6. **Pengarah**
Bahagian Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

SENARAI EDARAN

1. **YBhg. Datuk Dr. Hjh Rosaida binti Hj Md Said**
Ketua Perkhidmatan Perubatan Dalamam
Pakar Perunding Kanan (Gastroenterologi)
Hospital Sultan Idris Shah Serdang
2. **Pengarah**
Hospital Kuala Lumpur
3. **Dr. Fazidah binti Yuswan**
Ketua Sektor
Sektor Kawalan HIV/STI/ Hepatitis C
Bahagian Kawalan Penyakit, KKM
4. **Dr. Mastura binti Hj Ismail**
Timbalan Pengarah (Kesihatan Primer)
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
5. **Pengarah Kesihatan Negeri**
Johor / Kedah / Kelantan / Melaka / Negeri Sembilan / Pahang / Perak / Pulau
Pinang / Perlis / Sabah / Sarawak / Selangor / Terengganu / Wilayah
Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya / Wilayah Persekutuan Labuan
6. **Dr. Shahanizan binti Mohd Zin**
Ketua Unit Perkhidmatan Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM
7. **Dr. Rozainanee binti Mohd Zain**
Pakar Patologi (Medikal Mikrobiologi)
Unit Virologi, IDRC,
Institut Penyelidikan Perubatan
8. **Dr. Sahlawati Mustakim**
Ketua Disiplin Mikrobiologi Kebangsaan
Pakar Patologi (Mikrobiologi Perubatan)
Hospital Sungai Buloh